

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT
(PKPB) COVID-19 UNTUK PERPUSTAKAAN UUMKL**

1. PENGGUNA PERPUSTAKAAN

- (a) Hanya mereka yang diberi kebenaran khas oleh Ketua Penolong Pendaftar UUMKL sahaja dibenarkan berada di dalam bangunan UUMKL.
- (b) Merekod maklumat peribadi termasuk bacaan suhu badan pengguna di pintu masuk perpustakaan. Hanya individu yang melepasi saringan suhu badan di bawah 37.5 darjah celsius dibenarkan masuk.
- (c) Pengguna, kakitangan dan pekerja syarikat/kontraktor yang melepasi saringan suhu sahaja akan diberikan pelekat khas dan dikehendaki memakainya sepanjang berada di kawasan perpustakaan.
- (d) Semua individu yang berada di kawasan perpustakaan perlu memakai penutup hidung dan mulut, pensanitasi tangan dan mengamalkan penjarakan selamat.
- (e) Membuang penutup hidung dan mulut, tisu dan sarung tangan ke dalam tong sampah bertutup yang disediakan.

2. PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

- 21 Jumlah pengguna perkhidmatan perpustakaan adalah terhad.
- 22 Penjarakan dalam perkhidmatan
 - (a) Susun atur kerusi dan meja pengguna di ruang perkhidmatan turut dibuat penjarakan selamat. Hanya 2 orang pengguna sahaja dibenarkan duduk di setiap meja.
 - (b) Pengguna dan petugas perpustakaan perlu mengamalkan penjarakan sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu sama lain untuk semua urusan di kaunter.
 - (c) Amalan tidak bersalaman dan berjabat tangan juga dilaksanakan di perpustakaan.

23 Perkhidmatan Rujukan

- (a) Perkhidmatan rujukan disediakan secara atas talian dan menerusi email.

24 Perkhidmatan Pinjaman

- (a) Perkhidmatan pinjaman buku digalakkan menggunakan *konsep tempah dan ambil*.
- (b) Perpustakaan telah melanjutkan tempoh pinjaman secara automatik sehingga tamat tempoh PKPB.
- (c) Pengguna digalakkan menggunakan mesin semakan sendiri dan mesin pemulangan buku bagi meminimumkan urusan pinjaman dan pemulangan di kaunter.

3. KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

31 Penggunaan kemudahan bilik perbincangan tidak dibenarkan.

32 Pengamalan jarak fizikal di seluruh kawasan perpustakaan termasuk di tandas, ruangan rak buku, meja belajar, kaunter perkhidmatan rujukan dan lain-lain.

4. PENUTUP

SOP ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perubahan dan keperluan baharu dalam kawalan jangkitan COVID-19 yang dikuat kuasa oleh pihak Kerajaan.